

01/09/2002

Bukan isu Melayu lawan Cina atau siapa menang, siapa kalah

Terima kasih kepada Pak Lah yang telah membetulkan laporan media yang "tidak tepat dan tidak betul". YB Menteri dan agensi kerajaan mestilah memberikan maklumat yang betul kepada PM dan Timbalannya. Yang tak sedap didengar pun, kena maklumkan juga. Tidak patut jadi sokong yang membawa rebah.

HUBUNGAN antara Melayu dengan bukan Melayu biasanya aman, bahkan ada kalanya begitu mesra dibandingkan dengan hubungan antara Melayu - Pas dengan Melayu - Umno, terutama di kawasan yang Pas kuat. Yang merosak hubungan - sama ada Melayu dengan Cina atau Melayu dengan Melayu - adalah tokoh-tokoh politik.

Tanda-tanda adanya ketegangan hubungan kaum juga tidak nampak dan tidak terasa. Tetapi apabila Perdana Menteri bercakap tentang masalah integrasi kaum dan sikap perkauman pertubuhan pendidikan Cina, tiba-tiba akhbar menyiarkan begitu banyak berita, rencana dan wawancara tentang buruknya hubungan kaum.

Bahawa anak-anak kita dipisahkan oleh aliran sekolah menurut bahasa, kaum dan pelajar universiti hidup terpisah menurut kaum, sudah lama kita tahu. Yang mewujudkan sekolah menurut kaum itu adalah kita sendiri. Semakin banyak - bermula dari sekolah rendah dan menengah - sekarang sampai ke universiti.

Ada kolej dan universiti Cina, kolej dan universiti India, kolej dan universiti Melayu. Begitulah tanggapan rakyat - di mata, mahu pun di hati. Kita terlalu liberal dan demokratik. Tidak ada negara lain di dunia ini macam kita. Parti politik, sama sekali tidak patut diberi lesen untuk membina sekolah, kolej dan universiti.

Kira-kira dua atau tiga tahun lalu satu kajian mengenai hubungan pelajar di peringkat universiti telah disiarkan dalam akhbar. Hasil kajian ini mengejutkan. Terjadilah perbincangan beberapa ketika, tetapi lepas itu isu ini hilang begitu saja. Tidak mendapat perhatian mana-mana pihak pun, termasuk Kementerian Pendidikan dan pihak universiti. Nampaknya ia tidak dianggap isu penting. Hinggalah PM bercakap, baru jadi isu lagi.

Alat penyatuan telah jadi alat pecah belah

Pada penghujung tahun 2000 timbul isu gagasan Sekolah Wawasan. Ditentang oleh pertubuhan pendidikan Cina. tetapi lepas itu senyap lagi. Tiada kelihatan apa-apa tindakan yang jelas-tegas oleh Kementerian Pendidikan.

Syukurlah, ketika sedang menulis rencana ini tiba-tiba tersiar berita besar di NST 26 Ogos: "The country's first Vision School has been a resounding success". Kata Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, Timbalan Menteri Pendidikan, "Enrolment for the pioneer Vision School in USJ15, Subang Jaya, was full for next year."

Menurut Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Muhamad, sembilan Sekolah Wawasan sedang dalam pembinaan, dan "two more would open their doors in January".

Tahniah kepada Kementerian Pendidikan, yang diam-diam bekerja untuk masa depan bangsa Malaysia sebenarnya untuk membuat perubahan, lebih-lebih lagi perubahan besar, kita tidak akan mendapat persetujuan semua orang. maka jika majoriti bersetuju, laksanakanlah segera.

Tindakan lain yang perlu, tetapi pasti akan ada juga penentangannya, ialah jangan menambah lagi sekolah dan kolej dan universiti Cina dan India. Kita telah tersalah jalan. Mungkin dipengaruhi oleh politik akumulasi. Kita terlalu baik hati, melayan dan cuba memuaskan hati semua kaum. Akibatnya

pendidikan yang sepatutnya jadi alat penyatuan telah jadi alat pemecah belah.

Dulu apabila dikembangkan aliran kebangsaan, kita jangka majoriti ibu bapa akan menghantar anak-anak mereka ke sana. Rupanya terbalik, mereka lari ke aliran Cina. Maka bertambah banyak dan bertambah besarlah aliran Cina.

Akhirnya semua jadi tak puas hati. Tujuan Dasar Pelajaran Kebangsaan tak tercapai, ramai pula yang hendakkan aliran Inggeris. Seramai 7,000 pelajar Cina dari Johor belajar di Singapura. Tetapi apabila hendak digunakan bahasa Inggeris untuk mengajar Sains dan Matematik di sekolah Cina, ramai pula yang menentang.

Nyatalah kita tidak mungkin memuaskan hati semua orang. Tiada manusia dalam dunia ini yang berpuas hati segala-galanya. Lebih-lebih lagi apabila ada kaitan dengan politik dan kuasa. Jadi gunakanlah kuasa untuk melaksanakan apa yang dipersetujui oleh majoriti. Kerajaan - lebih-lebih lagi yang demokratik - selalu kena tanggung risiko.

Berkembang jadi "Politik Melayu Lawan Politik Cina"

Apabila kerajaan, khususnya Dr Mahathir, berusaha untuk meningkatkan penguasaan ilmu dan ketrampilan generasi muda untuk menghadapi cabaran masa depan - dengan menggunakan bahasa Inggeris - pertubuhan Cina melihatnya dari sudut budaya-politik kaum.

Penyelesaian tak mungkin dicapai apabila dua pihak berpegang kepada titik tolak dan dasar pemikiran yang sangat berbeza. Lebih buruk lagi, apabila yang menjadi pegangan adalah budaya-politik kaum.

Malang sekali, usaha yang bertujuan mulia ini, nampaknya telah berkembang menjadi "politik Melayu lawan politik Cina". Semua media massa mestilah berhenti bermain-main atau melariskan jualan dengan isu ini.

Pertubuhan Melayu dan tokoh-tokoh Melayu yang prihatin, juga tidak begitu bersetuju dengan cadangan ini. Ada yang bersuara dan ada yang merungut pada kawan-kawan saja. Tetapi pemikiran dan titik tolak mereka tidak sama dengan pertubuhan Cina.

Mereka berpendapat, kelemahan pelajaran Sains dan Matematik di kalangan pelajar Melayu bukanlah kerana bahasa pengantar. Bahkan mereka bimbang, dengan memulakan bahasa pengantar Inggeris tahun depan, pelajar Melayu akan lebih mundur lagi pencapaiannya.

Di samping itu, mereka juga melihat langkah seperti ini akan mengurangkan lagi penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi negara. Ini pandangan ikhlas, tanpa kepentingan diri dan parti dan politik kaum.

Pak Lah memperbetulkan yang "tidak tepat dan tidak betul"

Terima kasih kepada Datuk Seri Abdullah Badawi yang memperbetulkan laporan media yang "tidak tepat dan tidak betul" berkenaan pertemuan beliau dengan 36 pertubuhan Melayu 24 Ogos lalu. Menurut seorang Ketua Pengarang Akhbar, sebenarnya yang bertemu bukan 36 pertubuhan tetapi lima atau enam pertubuhan saja.

Apa sebab terjadi kesilapan seperti itu? Ini isu penting dan sensitif. Lapornya jadi berita utama di muka depan. Implikasi dan kesannya tidak baik.

Justeru itu kita pun sangsi juga dengan laporan sebelum ini yang mengutip kata-kata Dr Mahathir yang begitu keras, yang seolah-olah beliau sedikit pun tidak memperdulikan pandangan orang lain. Laporan itu pun boleh jadi "tidak tepat dan tidak betul" juga.

Sering kita baca berita yang menyebut "kata Perdana Menteri" tetapi sebenarnya itu adalah kata atau tanggapan atau tafsiran pemberita. Dikatakan umpamanya "Perdana Menteri membidas" si polan-polan, sedangkan perkataan "membidas" itu adalah bahasa pemberita.

Sering juga kita baca berita yang ditulis sedemikian rupa, sehingga

memperlihatkan sikap PM yang bongkak dan sombong. Ada pula komen sampingan PM yang tidak perlu disiarkan, dijadikan tajuk besar di muka depan.

Tujuan pemberita dan akhbar berkenaan mungkin baik - hendak memperlihatkan ketegasan dan ketangkasan PM. Namun kesan di kalangan pembaca adalah sebaliknya.

Menteri, pegawai dan agensi kerajaan mestilah memberi maklumat dan maklum balas yang betul dan tepat kepada PM dan timbalannya. Jangan lapor yang "menyenangkan Datuk Seri" saja. Yang tak sedap didengar pun, kena maklumkan juga. Tentulah tidak baik jika penyokong yang membawa rebah.

Dalam pada itu gambaran yang diberikan oleh berita dan ulasan pihak akhbar mengenai pengajaran Sains dan Matematik ini, seolah-olah tokoh-tokoh dan kumpulan Melayu yang memberikan pendapat yang berbeza adalah penentang kerajaan. Mereka ini hendak mencabar semangat dan kebijaksanaan Dr Mahathir. Golongan ini adalah nasionalis yang tidak mahu Melayu maju.

Gambaran seperti ini tentulah tidak benar. Hanya orang Melayu dungu, bingung atau gila, yang tidak mahu bangsanya maju!

Golongan yang prihatin masih perlu memberikan pandangan

Berita Harian 26 Ogos melaporkan: "Perdana Menteri berkata, jika tiada sebarang masalah mengenainya, dasar penggunaan bahasa Inggeris bagi dua mata pelajaran itu akan diteruskan mengikut jadual tahun depan.

"Kita mendengar pandangan orang ramai. Kita (kerajaan) adalah demokratik. Kita tidak memaksanya ke atas rakyat.

"Kita masih memberi peluang kepada rakyat menyuarakan pendapat, tetapi pada masa yang sama kita membuat persiapan. Kalau tak ada masalah, kita akan teruskan dengan apa yang dirancang oleh kita walaupun mungkin pendekatannya berbeza sedikit ..... kita akan mencari penyelesaian terbaik dalam melaksanakannya."

Inilah pendekatan terbaik. Memberi kesempatan kepada ibu bapa, terutama orang yang terbabit secara langsung dalam pendidikan, memberikan pendapat dan saranan. Lebih-lebih lagi apabila penjelasan mengenai masalah yang besar dan rumit ini disiarkan secara terkontot-kontot, secebis-secebis.

Ada kalanya orang yang cuba memberikan penjelasan adalah tokoh politik, bukan ahli pendidikan. Matlamat mereka adalah untuk memperlihatkan sokongan kepada PM. Tiada penjelasan profesional yang meyakinkan. Jadi kenyataan mereka - ada kalanya - tidak membantu PM.

Oleh itu penjelasan yang lengkap dari Kementerian Pendidikan masih diperlukan. Juga masih perlu disampaikan maklum balas yang benar, betul dan lengkap kepada PM. Masyarakat guru dan pensyarah IPT tidak patut berdiam diri. Tidak perlu menunggu diundang ke pertemuan dengan menteri. Ada macam-macam saluran untuk memberikan pandangan.

Ini bukan isu Melayu lawan Cina. Bukan juga untuk menunjukkan siapa kuat. Siapa kalah, siapa menang. Ini isu pendidikan yang menuntut pandangan yang jauh, pemikiran yang waras dan pertimbangan yang bijaksana. (Kg Belukar, Jitra - 26 Ogos 02)